

# STRATEGI PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT PEMBELAJARAN

**NAMA PUSAT : OUTDOOR LEARNING CENTRE**

**PUSAT/ FUNGSI : AKTIVITI LUAR**

**TAJUK/ TEMA : “PEMBURU HALIMUNAN”**

BIL	PERKARA	CATATAN	
1	<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	FK 2.2	Melakukan pelbagai lokomotor
2	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	FK 2.2.3	Melakukan pergerakan dalam pelbagai: (i) Arah (ii) Aras (iii) Laluan (iv) Kelajuan
		SA5.1.3	Menyiasat kegunaan cahaya matahari dalam kehidupan seharian
		KD2.3.5	Menunjukkan kebolehan sendiri melalui pelbagai kaedah komunikasi
3	<b>STREAM</b>	<b>S</b>	Meneroka fungsi periscope
		<b>T</b>	Periscope
		<b>R</b>	Menggalakkan kerjasama dikalangan kanak-kanak.
		<b>E</b>	Mengenal pasti fungsi perscope
		<b>A</b>	Menggunakan periscope untuk melakukan kreativiti dalam pergerakan.
		<b>M</b>	Membilang jumlah kanak-kanak yang ditangkap oleh priscope.
4	<b>OBJEKTIF</b>	Kanak-kanak dapat melakukan pelbagai pergerakan lokomotor.	
5	<b>BBM</b>	Paip PVC, Cermin, Gam dan spray warna.	

BIL	PERKARA	CATATAN
6	<b>NILAI MURNI</b>	<p>Memberi kerjasama dan perhatian dalam mematuhi arahan</p> <p>Bertoleransi semasa mencuba “Periscope”</p>
7	<p><b><u>STRATEGI PELAKSANAAN</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Guru mengimbas kembali aktiviti berkaitan bahagian-bahagian kapal selam.</li> <li>2. Guru juga menerangkan tentang fungsi periscope tersebut. <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Bagaimana periscope ini digunakan?</li> <li>ii. Apakah kegunaan periscope ini secara terperinci?</li> </ol> </li> <li>3. Kanak-kanak dibahagikan kepada 2 kumpulan besar.</li> <li>4. Guru memilih dua orang kanak-kanak secara rawak untuk menjadi ketua kumpulan.</li> <li>5. Setiap ketua kumpulan akan mengambil alat periscope yang terdapat di hadapan.</li> <li>6. Kemudian meminta setiap seorang demi seorang kanak-kanak untuk meneroka peralatan tersebut, dalam kumpulan masing-masing.</li> <li>7. Selepas itu, kanak-kanak di bawa ke pusat aktiviti luar di halaman tabika, setelah itu guru akan menerangkan tentang peraturan cara bermain permainan “pemburu halimunan”</li> <li>8. Aktiviti dilaksanakan seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Kanak-kanak membentuk bulatan dan melakukan regangan sebelum aktiviti dijalankan.</li> <li>ii. Beberapa orang kanak-kanak akan berada dalam posisi yang sudah disusun oleh kumpulan masing-masing.</li> <li>iii. Kanak-kanak yang memegang periscope akan membuat tekaan nama kawan atau apakah aksi yang dilakukan oleh kawan mereka menggunakan periscope yang dipegang.</li> <li>iv. Kanak-kanak akan membilang setiap kali dapat menangkap rakan melalui periscope tersebut.</li> <li>v. Setiap kumpulan diberikan pilihan untuk memilih kawasan masing-masing dan bergilir-gilir menguji dan menggunakan “periscope” tersebut.</li> </ol> </li> </ol>	

BIL	PERKARA	CATATAN
		<p>9.Kanak-kanak akan dipilih secara rawak untuk menceritakan pengalaman mereka.</p> <p>10.Kanak-kanak dan guru membuat kesimpulan mengenai aktiviti yang dilaksanakan.</p> <p><b><u>nota:</u></b></p> <p><i>* guru boleh menyediakan abm berdasarkan pelbagai tema yang bersesuaian</i></p>